



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 9/2021**

**30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**09:00 PAGI | BILIK SIANTAN, BANGUNAN LAMA, MPS**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahNya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.9/2021** bagi bulan **September** pada pagi yang berbahagia ini.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

2. Untuk makluman, sehingga 31 Ogos 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM83.08 juta (76.22%) daripada RM109 juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 5.93 juta (72.82%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
4. Bagi pemilik yang masih mempunyai tunggakan setelah tamat tempoh bayaran cukai pada 31 Ogos 2021, MPS telah mengambil tindakan mengeluarkan notis (borang E) pada 1 September 2021 dan akan tamat pada 19 Oktober 2021. Tindakan waran tahanan berjumlah RM100 akan dilaksanakan kepada pemilik bermula pada 20 Oktober 2021. Semakan dan bayaran bil cukai boleh dilakukan di [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my).
5. Untuk menggalakkan bayaran tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah, MPS menawarkan pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj sebanyak 50% kepada pemilik yang membuat bayaran secara penuh. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

## **BELANJAWAN MPS 2022**

6. Mesyuarat Khas Belanjawan MPS untuk tahun 2022 telah diadakan pada 28 September 2021. Dalam mesyuarat tersebut MPS membentangkan Belanjawan Berimbang sebanyak RM189.27 juta.
  
7. Belanjawan Tahun 2022 disediakan selaras dengan Dasar dan Strategi Belanjawan seperti berikut:
  - 7.1. Memantap dan memperkukuhkan tadbir urus bagi mempertingkatkan kecemerlangan organisasi.
  
  - 7.2. Memperkasakan pengurusan dan pematuhan peraturan kewangan
  
  - 7.3. Memantapkan perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya maju.
  
8. Belanjawan ini akan dikemukakan kepada kerajaan negeri bagi tujuan kelulusan.

## **PEMBAHARUAN LESEN SECARA DIGITAL**

9. Adalah dimaklumkan pembaharuan lesen perniagaan tahun 2022 adalah secara digital dan pemegang lesen boleh memperbaharui lesen perniagaan tahun 2022 bermula 25 Oktober 2021 melalui aplikasi MyMPS. Sehubungan dengan itu, pemegang lesen diminta untuk mengemaskini maklumat nombor telefon dan emel melalui kod QR yang perlu diimbas pada notis yang disampaikan.
  
10. Pengemaskinian maklumat ini bertujuan agar notifikasi pembaharuan lesen perniagaan boleh disampaikan kepada semua pemegang lesen. Oleh itu, saya berharap agar semua Ahli Majlis kawasan dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan untuk mengemaskini maklumat masing-masing dan boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan MPS.

## **MAKLUM BALAS MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2030 (PENGGANTIAN)**

11. Seperti semua maklum, pada 20 dan 21 September yang lalu, MPS telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) bagi Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) di Bilik Siantan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han bersama YB Puan Rodziah Binti Ismail dan YB Tuan Hee Loy Sian sebagai Timbalan Pengerusi. Turut serta ialah Perancang Bandar Malaysia, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor dan Pejabat Tanah & Daerah Gombak.
12. Sejumlah 103 perkara bantahan telah dibawa untuk pertimbangan JKSTP. JKSTP telah mengesyorkan sebanyak 82 borang bantahan atau cadangan disyorkan diterima, 20 borang bantahan ditolak dan 1 borang bantahan disyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri.
13. Seterusnya, kelulusan Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) ini dibentangkan pada hari ini untuk persetujuan mesyuarat penuh terhadap Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) serta syor JKSTP sebelum dikemukakan ke Jawatankuasa

Perancang Negeri Selangor untuk persetujuan dan pewartaan oleh pihak berkuasa negeri.

## **KUMPULAN SMART ESCAPE TERPILIH KE SESI PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)**

14. Pada 28 September yang lalu, Kumpulan Smart Scape telah berjaya ke sesi penilaian akhir Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) secara dalam talian. Kumpulan ini telah membentangkan projek My Auger All In One iaitu penghasilan mesin yang menggabungkan tiga (3) komponen utama, membawa pokok, mengorek lubang pokok dan mengukur jarak antara penanaman pokok serta kedalaman lubang pokok.
  
15. Saya dimaklumkan bahawa semasa sesi soal jawab, projek kumpulan ini telah berjaya menarik perhatian barisan juri. Sehubungan itu, saya berharap agar kumpulan ini dapat melakar kejayaan dalam pertandingan ini. Saya turut lihat, produk inovasi yang dihasilkan oleh kumpulan ini berpotensi untuk pergi lebih jauh, dapat dikembangkan serta dikomersilkan di kalangan agensi kerajaan dan pasaran luar.

**PERKEMBANGAN SEMASA FASA PERALIHAN MONSUN  
BERDASARKAN LAPORAN RAMALAN OLEH JABATAN  
METEOROLOGI MALAYSIA**

16. Dikesempatan ini, saya ingin mengingatkan kepada semua mengenai perkembangan semasa fasa peralihan monsun di negara kita yang telah bermula sejak 24 September dan akan berterusan sehingga awal November 2021.
17. Semasa fasa peralihan monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dan berlakunya kejadian ribut petir yang membawa hujan lebat beserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam yang berpotensi menyebabkan banjir kilat dan kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.
18. Oleh itu, saya ingin berpesan kepada semua agar sentiasa berwaspada dan sentiasa peka dengan ramalan cuaca yang dikeluarkan. Pasukan PANTAS MPS juga perlu sentiasa bersedia dan pantas dalam menjalankan tugas serta menyelesaikan aduan terutamanya sepanjang fasa peralihan monsun ini.



## **UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT MAULIDUR RASUL**

19. Di sini saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Maulidur Rasul yang akan disambut pada 19 Oktober 2021 ini. Sambutan Maulidur Rasul ini adalah bagi memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. selain dapat mengingati perjuangan Rasulullah S.A.W. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai Uswah Hasanah (contoh teladan) dalam kehidupan kita.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.